

BH, 7/3/19

PETRONAS susun strategi hadapi cabaran

[FOTO MAHZIR MAT ISA / BH]



Kami sudah menyusun strategi untuk berdepan cabaran. Lebih banyak cerita akan didengar apabila kami umumkan keputusan kewangan kami esok”

Ahmad Nizam Salleh,
Pengerusi PETRONAS

→ Pengerusi yakin pasukan pengurusan mampu kembangkan perniagaan

Oleh Junita Mat Rasid
dan Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@NSTP.com.my

“PETRONAS bersedia menghadapi cabaran untuk terus mengembangkan perniagaan di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang tidak menentu ketika ini,” kata Pengerusinya, Datuk Ahmad Nizam Salleh. Beliau mengakui dinamik ekonomi yang berubah-ubah adalah antara cabaran yang perlu dihadapi pengeluar minyak dan gas nasional itu dalam mengembangkan perniagaannya.

Bagaimanapun, beliau yakin pasukan pengurusan PETRONAS yang diterajui Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Wan Zulkifle Wan Ariffin bersedia dalam menghadapi cabaran berkenaan.

“Kami sudah menyusun strategi untuk berdepan cabaran. Lebih banyak cerita akan didengar apabila kami umumkan keputusan kewangan kami esok,” katanya

dalam satu temu bual eksklusif di Kuala Lumpur.

Ahmad Nizam dilantik sebagai Pengerusi PETRONAS berkuat kuasa 1 Ogos 2018 bagi menggantikan Tan Sri Sidek Hassan yang tamat kontrak sebagai Pengerusi PETRONAS pada 30 Jun 2018.

Mengulas mengenai peranan nya sebagai Pengerusi PETRONAS, Ahmad Nizam berkata, bukan sesuatu yang sukar untuknya menyuaikan diri menyandang jawatan berkenaan memandangkan beliau pernah berkhidmat lebih 35 tahun dengan firma minyak dan gas negara itu.

Dua prinsip panduan

Beliau berkata, pembentukan PETRONAS secara dasarnya mempunyai dua prinsip panduan, iaitu PETRONAS sebagai entiti perniagaan, ia harus mengembangkan perniagaan dan menjadi cekap serta menjana keuntungan yang baik.

Satu lagi panduan, jelasnya adalah pembangunan negara, yang mana sumbangan PETRONAS kepada ekonomi negara menerusi cukai dan sebagainya.

Di samping itu, katanya, PETRONAS juga menyumbang kepada kesejahteraan rakyat negara ini menerusi Yayasan PETRONAS.

Mengenai pemangkin yang mendorong Ahmad Nizam lama berkhidmat di PETRONAS, beliau berkata, jika disimpulkan dalam dua perkataan, ia adalah adalah kepercayaan dan kemauhan untuk menyumbang.

“PETRONAS adalah organisasi yang baik dan memberi ruang kepada perkembangan kerjaya,” katanya.